



TEKS UCAPAN ALUAN
YS PPjB MOHD ZAIDI BIN HJ. MA'AT
PENGARAH JBPM NEGERI MELAKA

SEMPENA
LAWATAN KERJA
YB TIMBALAN MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN
TEMPATAN (KPKT) KE
JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA
NEGERI MELAKA

PADA
15 MEI 2025 (SKHAMIS)

MASA
2.30 PETANG

TEMPAT
IBU PEJABAT JBPM NEGERI MELAKA



Terima kasih Saudara Pengacara Majlis, PBK II (TBK 2) Mohamad Safiee bin Mohamad Masrom dan terima kasih juga kepada al-Fadhil PPgB Irman bin Ali, yang telah membacakan doa, memohon rahmat Allah ke atas majlis pada hari ini.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Salam Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Berprestasi Tinggi,
Cepat dan Mesra,

Salam “Melakaku Maju Jaya, Rakyat Bahagia, Menggamit Dunia”
Bijak Laksana Tuah, Berani Laksana Jebat,
Salam Malaysia Madani,

Yang Berhormat Datuk Hajah Aiman Athirah binti Sabu
Timbalan Menteri Perumahan Dan Kerajaan Tempatan,
Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan

Yang Berusaha,
PgKB li Mohd Shahrom bin Laji
Penolong Pengarah Bahagian, JBPM Negeri Melaka

Penolong-penolong Pengarah Bahagian, Ketua - Ketua Zon, Ketua -
Ketua Balai,

Pegawai-Pegawai Kanan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia
Negeri Melaka, tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian.

1. Syukur Alhamdulillah. Pertama sekali, marilah kita merafak setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT atas rahmat, limpah dan kurnia-nya, kita semua diberi kelapangan waktu dan sihat tubuh badan untuk berkumpul di sini pada petang yang indah ini. Di kesempatan ini juga, saya ingin merakamkan penghargaan dan ucapan ribuan terima kasih kepada **Yang Berhormat Datuk Hajah Aiman Athirah binti Sabu, Timbalan Menteri, Perumahan dan Kerajaan Tempatan** kerana sudi meluangkan masa dan hadir di Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Melaka ini untuk bertemu dengan warga Bomba Melaka. Saya bagi pihak JBPM Negeri Melaka amat mengalu-alukan kehadiran YB Menteri ke Negeri Melaka Bersejarah ini.
2. Tidak lupa juga saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih di atas kehadiran tuan/puan pada Petang ini. Terimalah pantun dari saya :

***Kapal Dagang Dari Seberang,
Sarat Muatan Kayu Meranti,
Dari Putrajaya YB Datuk Datang,
Kami Warga Bomba Melaka Sedia Menanti.***

***Pergi berhuma di Tanjung Rokan,
Sebelum pulang mengail ikan,
Kehadiran YB Datuk kami alu-alukan,
Kecil telapak tangan nyiru kami tadahkan.***

YB Datuk, tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian

3. Lawatan ini amat besar maknanya kepada kami dan menjadi pemangkin semangat untuk terus memberikan perkhidmatan yang cekap, pantas dan mesra rakyat dalam memastikan keselamatan kebakaran dan penyelamatan berada pada tahap terbaik.

4. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk melaporkan serba ringkas pencapaian, cabaran serta hala tuju strategik JBPM Melaka dalam mendukung agenda keselamatan awam serta aspirasi KPKT dalam melaksanakan amanah kepada rakyat.

YB Datuk, tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian

5. Marilah kita sama-sama berdoa ke hadrat ilahi agar segala usaha kita dipermudahkan dan akan mendapat keberkatannya. semua pekerjaan kita mestilah disertai dengan komitmen yang tinggi, usaha dan juga tawakkal yang berterusan agar diredhai oleh Allah S.W.T.
6. Akhir kata, saya sekali lagi mengucapkan selamat datang dan jutaan terima kasih kepada **Yang Berhormat Datuk Hajah Aiman Athirah binti Sabu, Timbalan Menteri, Perumahan dan Kerajaan Tempatan** dan seluruh delegasi KPKT. Semoga lawatan kerja ini akan memberikan nilai tambah dan sokongan berterusan dalam usaha memperkukuh JBPM sebagai agensi keselamatan barisan hadapan yang sentiasa bersiap siaga.

Sekian, saya sudahai dengan Wabillahitaufik Walhidayah,
Wassalamualaikum W.B.T.